

Dua lelaki ditangkap disyaki seludup minyak petrol

2020-01-27T10:33:45+08:00
oleh Hamzah Sanudin



TANGKAPAN : Kesemua suspek dan barang rampasan dibawa ke Pangkalan Marin untuk siasatan lanjut.

SEMPORNA : Dua lelaki ditangkap Pasukan Polis Marin (PPM) selepas disyaki terlibat menjalankan aktiviti penyeludupan minyak petrol di Pulau Boheian, di sini.

Komander Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 4 Sabah, ACP Mohamad Pajeri Ali berkata sebaik menerima maklumat berkenaan aktiviti itu, Pasukan Unit Risikan Marin (URM) PPM menjalankan tugas Op Pensura Khas dengan menggunakan bot samaran PPM.

"Hasil daripada operasi itu, pasukan PPM berjaya menahan seorang warga tempatan berumur 33 tahun sedang leka memungah jerikin berisi minyak petrol dari bot ke sebuah stor di rumah bernombor 12 di pulau itu.

Pemeriksaan lanjut di stor tersebut mendapati terdapat seorang lelaki berumur 40 tahun bersama 1,130 liter minyak petrol di dalam 51 jerikin pelbagai jenis," katanya dalam kenyataan medianya di sini.

Beliau berkata, suspek gagal menunjukkan permit atau surat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ke atas semua minyak petrol yang dimilikinya.



PERAHU: Perahu yang digunakan suspek untuk mengangkut minyak petrol tersebut.

"Difahamkan, suspek menyimpan terlebih dahulu kesemua minyak petrol itu di dalam stor tersebut sebelum disyaki diseludup ke negara jiran Filipina," katanya.

Mengulas lanjut, semua suspek beserta perahu, enjin sangkut dan minyak petrol dibawa ke Pangkalan PPM Semporna untuk siasatan dan tindakan selanjutnya manakala nilai rampasan keseluruhan dianggarkan RM18,471.20

"Kesalahan tersebut dirujuk kepada jabatan KPDNHEP Semporna dan disiasat di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 22 (1) Akta yang sama.

"Jika Sabit kesalahan boleh dihukum denda maksimum RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.